

Majlis Perasmian Program Perkembangan Kemahiran Belia 2010 - 2011

Ucapan Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Hajah Adina binti Othman di Majlis Perasmian Program Perkembangan Kemahiran Belia 2010 - 2011 anjuran Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei, bertempat di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong, pada hari Khamis, 22 Julai 2010.

Bismillahir Rahmanir Rahim

Segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wata'ala, selawat dan salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga dan para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang jujur lagi setia hingga ke akhir zaman.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat sejahtera.

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, Yang Maha Pengasih, Lagi Maha Penyayang kerana di atas limpah kurnia dan izin-Nya jua, kita dapat bersama-sama hadir dan berkumpul di majlis pagi ini.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak BEBD dan Youth Development Resources kerana sudi menjemput saya sebagai tetamu kehormat di majlis ini.

Pekerjaan merupakan satu keperluan asasi yang seharusnya dimiliki oleh setiap rakyat dan penduduk. Namun di mana pun negara di dunia ini, isu rakyat yang tidak mempunyai pekerjaan atau menganggur merupakan sesuatu isu yang tidak dapat dielakkan. Malah di setengah-setengah negara di dunia ini, isu pengangguran menjadi isu yang kritikal dan membebankan negara. Bagi negara kita, Negara Brunei Darussalam, alhamdulillah, isu pengangguran masih pada tahap yang sederhana dan masih dapat ditangani. Pada masa ini, seramai 5,650 orang pencari pekerjaan telah berdaftar di Jabatan Buruh atau 3.7 peratus daripada jumlah penduduk. Walaupun kadar ini masih pada tahap yang rendah namun kita haruslah memberi perhatian terhadap isu ini kerana masalah pengangguran boleh mengundang impak yang negatif kepada masyarakat dan negara. Oleh itu, isu ini perlulah ditangani secara bersama dan bersepadu. Menyedari akan potensi ini, maka satu Komiti Menangani Isu Pengangguran telah ditubuhkan sejak Disember 2008 yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan ahli-ahlinya terdiri daripada wakil-wakil dari agensi-agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi, sektor swasta dan badan bukan kerajaan.

Program Perkembangan Kemahiran Belia ini merupakan satu usaha Public Private Partnership yang amat tepat pada masanya bagi menangani isu pengangguran. Saya difahamkan bahawa dari sejumlah 160 orang pelatih yang mengikut program ini sejak tahun 2008 seramai 38 orang pelatih telah berjaya mendapatkan micro grant untuk memulakan perniagaan sendiri. Saya mengucapkan syabas kepada mereka dan berdoa semoga mereka akan terus mencapai kejayaan. Saya juga difahamkan bahawa bagi peserta-peserta lain sebahagian daripada mereka telah memilih kerjaya. Usaha-usaha pemantauan terhadap para peserta yang mengikuti program ini perlu dipertingkatkan dalam sama-sama memastikan keberkesanan dan keberhasilan program ini.

Dengan ini saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak BEBD, Alcoa Incorporated dan rakan strategi yang baru, Bank Islam Brunei Darussalam dan Syarikat Petroleum Geo Service (Norway) di atas usaha proaktif mereka dalam membantu para belia menjana pendapatan dan dalam sama-sama menangani masalah pengangguran di negara ini. Saya penuh berharap agar lebih banyak lagi pihak yang akan tampil ke depan dalam melaksanakan usaha seumpama ini supaya lebih ramai lagi belia kitani yang akan beroleh manfaat daripadanya.

Di kesempatan ini, saya ingin menyarankan agar agensi-agensi penyelaras program ini akan dapat meningkatkan jaringan dan kerjasama serta melibatkan rakan-rakan strategik dalam menjana idea-idea kreatif serta kesinambungan usaha bagi meningkatkan lagi keberkesanan program ini. Penubuhan Pusat Keusahawanan khas untuk belia juga perlu difikirkan bagi membantu para belia dalam hal ehwal pemantauan dan mentoring serta venue bagi memasarkan produk-produk bukan sahaja dalam negeri malahan jua ke luar negara demi menjamin kesinambungan dan kemajuan mereka dalam bidang keusahawanan.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengongsikan hasil kajian yang diusahakan oleh Jabatan Buruh yang mendapati bahawa di antara sebab-sebab mengapa berlakunya pengangguran ialah pencapaian pendidikan yang rendah, kurang kemahiran, sikap negatif, kurang yakin diri serta kurang sokongan daripada ahli-ahli keluarga. Di samping itu, para majikan juga telah memberikan penjelasan mengenai masalah yang sering ditimbulkan oleh pekerja-pekerja tempatan antaranya termasuklah kurang mematuhi disiplin waktu kerja, bekerja secara sementara sahaja dan berhenti kerja tanpa mengikut prosedur tertentu.

Berdasarkan hasil kajian ini jelas menunjukkan bahawa para penganggur bukan sahaja memerlukan latihan dan kemahiran sesuai dengan keperluan pasaran buruh, tetapi yang tidak kurang penting adalah persediaan mereka dari segi mental untuk bekerja dengan penuh iltizam. Untuk berjaya dalam apa jua usaha, seorang individu perlulah mempunyai set minda yang positif, keterampilan diri yang meyakinkan serta outlook yang positif. Dengan ini, para penganggur perlu mempunyai pindaan paradigma supaya tidak terlalu bergantung kepada

kerajaan, lebih proaktif dalam mencari pekerjaan dan bersedia untuk berkorban demi survival dirinya dan keluarga.

Saya berharap para peserta program ini akan dapat menggunakan peluang yang telah disediakan ini dengan sebaik-baiknya. Manfaatkanlah semua ilmu, tunjuk ajar dan nasihat yang diberikan semaksima mungkin dan jadikanlah bekalan untuk berjaya dalam bidang yang diingini sama ada dalam bidang kerjaya mahupun dalam bidang keusahawanan. Yang penting sebagai belia yang telah menjalani latihan sepanjang dua tahun di Pusat Pembangunan Belia abiskita telah dilengkapi dengan kemahiran serta pembinaan diri yang dapat membantu biskita berjaya dalam bidang perniagaan nanti, insya-Allah. Untuk lebih berjaya, abiskita perlulah memiliki yakin diri yang tinggi, cekal, tabah dan jangan cepat putus asa. Dunia perniagaan penuh dengan cabaran dan abiskita perlu mempunyai kekuatan fizikal dan mental untuk menghadapinya. Berfikir serta bertindak positiflah terhadap peluang dan kesempatan yang ada kerana peluang dan kesempatan yang baik seumpama ini sukar untuk datang berulang kali.

Buktikan kepada diri sendiri keluarga dan juga masyarakat sekeliling bahawa biskita adalah para belia harapan bangsa dan mempunyai kemampuan yang sejajar dengan para belia yang lain untuk sama-sama menanai tanggungjawab dalam membantu negara mencapai matlamat Wawasan 2035.

Akhir kata saya dengan penuh tulus ikhlas mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para peserta program yang terpilih dan sama-samalah kita berdoa semoga Program Perkembangan Kemahiran Belia Sesi 2010-2011 ini akan berjalan dengan lancar serta menepati hasrat yang diharapkan.

Dengan mendahulukan kalimah Bismillahir Rahmanir Rahim serta bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala saya sukacita merasmikan Program Perkembangan Kemahiran Belia 2010-2011.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.